

# RM287j biaya caruman negeri

B/4. 3/8/12 MJ 2

» RM257 juta  
urus ekonomi,  
infrastruktur

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan@bharian.com.my

Putrajaya

**K**erajaan menyediakan RM287 juta kepada Kumpulan Wang Simpanan Negeri untuk 2014 bagi membiayai caruman pemberian kepada negeri yang menghadapi kekurangan wang dalam akaun mengurus sebanyak RM30 juta.

Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM257 juta untuk menguruskan pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan negeri berkenaan.

Peruntukan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2012, di sini semalam.

Najib berkata, Majlis Kewangan Negara juga memperoleh maklumat Laporan Audit



Najib mempengerusikan **mesyuarat Majlis Kewangan Negara 2012** di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah (kanan).  
(FOTO BERNAMA)

mengenai Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri dan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya (MARRIS) oleh Kementerian Kewangan di semua negeri.

## Wang selenggara jalan

“Laporan itu antara lain mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diperbetulkan dan ditambah baik untuk keselamatan dan kesejahteraan pengguna. Penekanan yang diberikan ialah supaya wang digunakan se-

penuhnya bagi penyelenggaraan jalan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memperuntukkan RM2.59 bilion untuk penyelenggaraan jalan negeri, berbanding RM1.98 bilion pada 2006, meningkat 138 peratus atau purata 27.6 peratus setahun.

Namun, beliau menegaskan kebanyakan negeri tidak membelanjakan sepenuhnya peruntukan itu dan ia perlu diperbetulkan.

Bagi tujuan itu, Perdana Menteri berkata sebuah makmal akan diwujudkan Oktober ini bagi menggubal garis panduan yang lebih komprehensif mengenai tata cara pengurusan serta penggunaan pemberian penyelenggaraan negeri dan dengan kerajaan negeri bersetuju menyertainya.

Makmal itu bermatlamat mengenal pasti punca negeri tidak membelanjakan sepenuhnya peruntukan mengikut tata cara sepatutnya.